



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 Mac 2020

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG
BERHUBUNG
PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

1. Berikutan pengumuman Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 9 Mac 2020 berhubung pelantikan anggota Kabinet Kerajaan Malaysia, saya telah dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi.
2. Sehubungan dengan itu, saya meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen berkuatkuasa, hari ini berdasarkan Peraturan Mesyuarat (PM) 77(4) Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang jelas menyebut bahawa “..Seseorang ahli Majlis tidak boleh diangkat atau dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau menjadi ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara semasa ia menjadi seorang Menteri”.
3. Surat peletakan jawatan sudah dihantar kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato’ Mohamad Ariff Md Yusof.

4. Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof serta Pegawai dan Kakitangan Parlimen Malaysia atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada saya ketika menjawat jawatan Pengerusi PAC Parlimen selama kira-kira 10 bulan bermula 11 April 2019.

5. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Tuan Wong Kah Woh, Naib Pengerusi PAC Parlimen serta Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Parlimen dan Ex-officio PAC Parlimen MOF, MEA, JPA, JAN, AGC, JANM dan SPRM atas segala kerjasama serta tunjuk ajar sepanjang saya menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi PAC Parlimen.

6. Saya berharap PAC Parlimen akan terus dapat menjadi sebuah Jawatankuasa Parlimen yang memainkan peranan serta fungsi dalam semak dan imbang urusan kewangan dan perbelanjaan negara bagi memastikan wang rakyat benar-benar di berlanjakan secara berhemah dan telus.

Sekian terima kasih

Yang Berhormat Datuk Dr Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia